

**Naib Pengerusi DAP Bantah Perhimpunan Umum Sabtu Ini
Bernama
26 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Naib Pengerusi DAP Senator Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim secara terbuka membantah perhimpunan yang dirancang di Dataran Merdeka Sabtu ini dengan kluatir acara itu boleh bertukar ganas.

Katanya beliau tidak membantah sebarang perhimpunan aman tetapi secara prinsip, beliau membantah sebarang tindakan yang boleh mejurus kepada pelanggaran undang-undang.

Beliau berkata berdasarkan pengalaman walaupun demonstrasi sentiasa bermula dengan aman tetapi dalam kebanyakan kes ia mempunyai kecenderungan bertukar ganas.

"Sekiranya sesuatu berlaku, siapa yang akan bertanggungjawab? Individu atau penganjur tidak akan berada di sana.

"Siapa yang akan menjaga mereka yang maut dan mengalami kecederaan...orang yang kena pijak. Kecederungan untuk menyalahkan pihak berkuasa ada dan saya fikir ini tidak adil," katanya ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Terdahulu ketika membahaskan titah ucapan yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada persidangan Dewan Negara, Abdul Aziz berkata: " Walaupun saya dari pembangkang, bukan semua pembangkang sokong badan bukan kerajaan (NGO) yang disokong pembangkang itu.

Ditanya mengenai kedegilan penganjur mengadakan perhimpunan di Dataran Merdeka walaupun permohonan mereka ditolak oleh Dewan Dandaraya Kuala Lumpur (DBKL), ahli Dewan Negara itu berkata sepatutnya penganjur akur dan menerima sebarang venue alternatif yang ditawarkan oleh pihak berkuasa.

Kerajaan telah menawarkan Stadium Merdeka, Stadium Titiwangsa, Stadium Bolasepak Kuala Lumpur di Cheras dan Stadium Nasional Bukit Jalil bagi penganjur mengadakan perhimpunan mereka.

Abdul Aziz, yang menyertai DAP pada 2008, berkata terdapat cara lain bagi pembangkang menyuarakan rasa tidak puas hati mengenai penambahbaikan daftar pemilih termasuk melalui proses berparlimen.

"Saya telah membangkitkan kebimbangan saya ini dengan rakan dalam parti tetapi apa yang parti inginkan...ia adalah keputusan parti," jelasnya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=662152>

